

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HGM 132 – GEOGRAFI MANUSIA**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab Soalan 1 yang diwajibkan dan TIGA soalan lain. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian B dan C.

Bahagian A

1. SAMA ADA

- [a] [i] Jelaskan sumber serta format data dalam kajian Geografi Manusia.

[10 markah]

- [ii] Huraikan kepentingan pengurusan data dalam kajian Geografi Manusia.

[15 markah]

ATAU

- [a] Menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan peranan sistem maklumat geografi (GIS) dalam kajian Geografi Manusia.

[25 markah]

Bahagian B

2. Menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan ENAM perspektif keruangan dalam Geografi Manusia.

[25 markah]

3. Merujuk SATU contoh petempatan bersejarah, huraikan bagaimana teks dan tanda-tanda boleh digunakan untuk memahami turutan budaya yang mendominasi petempatan tersebut dan jelaskan kepentingan memulihara teks dan tanda-tanda ini.

[25 markah]

4. Merujuk TIGA elemen budaya daripada TIGA pusat budaya moden, huraikan bagaimana rebakan elemen budaya tersebut berlaku ke seluruh dunia dan apakah kesannya kepada ekonomi, budaya dan pandang darat kawasan penerima.

[25 markah]

Bahagian C

5. Nyatakan elemen-elemen prinsip teori lokasi dan bagaimana teori-teori klasik yang berbeza berhujah dalam penentuan lokasi industri. Jelaskan bagaimana elemen faedah bandingan (*comparative advantage*) dan koperasi antarabangsa (*transnational corporations*) beroperasi dan memberi kesan kepada penjelasan mengenai penentuan lokasi industri oleh teori lokasi tradisional.

[25 markah]

6. [a] Nyatakan kepentingan sesebuah negara atau masyarakat dalam memberi perhatian utama kepada pemindahan teknologi atau jurang teknologi.

[10 markah]

- [b] Jelaskan perkaitan konsep-konsep tersebut ke atas pembangunan atau kesejahteraan masyarakat sesebuah negara.

[15 markah]

7. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana ekonomi bandar terstruktur dan sistem bandar terbentuk.

[25 markah]

8. Jelaskan secara ringkas bentuk gunatanah bandar seperti yang diramalkan oleh teori zon sepusat, teori sektor dan model pelbagai pusat. Menggunakan hujah yang sesuai, teori atau model yang mana satukah paling sesuai untuk menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan gunatanah bandar di bandaraya Kuala Lumpur atau Georgetown di Pulau Pinang.

[25 markah]